

PM: Arahan serta merta termasuk pengangkutan naikkan bendera Zionis

Kapal Israel diharam berlabuh di Malaysia

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR,**
FADHLI MOHD. SULAIMAN
dan **FITRI NIZAM**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia mengharamkan syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, ZIM (ZIM Integrated Shipping Services Ltd) dan mana-mana kapal yang me-

naikkan bendera Zionis daripada berlabuh di mana-mana pelabuhan di negara ini.

Ini larangan pertama seumpama dikeluarkan sebuah negara yang konsisten membantah penindasan Israel ke atas penduduk Palestin di Gaza.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sekatan

itu adalah tindak balas terhadap tindakan Israel yang mengetepikan prinsip asas kemanusiaan dan melanggar undang-undang antarabangsa dengan berterusan bertindak kejam terhadap rakyat Palestin.

“Oleh itu, Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan segera dengan menge-

nakan larangan kekal terhadap syarikat itu berkuat kuasa serta merta.

“Pada masa sama, kerajaan turut memutuskan untuk tidak lagi menerima kapal yang menggunakan bendera Israel untuk berlabuh di negara ini.

Bersambung di muka 3

Kapal Israel diharam berlabuh di Malaysia

Dari muka 1

“Kerajaan Malaysia juga mengenakan larangan kepada mana-mana kapal yang dalam perjalanan menuju ke Israel dari memuatkan kargo di pelabuhan Malaysia. Kedua-dua sekatan ini berkuat kuasa serta merta,” katanya dalam kenyataan semalam.

Untuk-rekod, Kabinet pada 2002 mula membenarkan kapal syarikat ZIM berlabuh di Malaysia.

Pada 2005, Kabinet ketika itu memberi kebenaran kepada kapal tersebut untuk mendarat di Malaysia, bagaimanapun, Kerajaan Perpaduan semalam memutuskan membatalkan kesemua keputusan Kabinet terdahulu.

Dalam pada itu, kata Anwar: “Malaysia yakin keputusan tersebut tidak akan menjejaskan kegiatan perdagangan Malaysia.”

Sebelum ini, Gerakan Boikot, Pelupusan dan Sekatan (BDS) Malaysia dilaporkan menggesa kerajaan menghalang kapal Israel berlabuh di Pelabuhan Klang.

Menurut BDS Malaysia, ZIM dijadualkan berlabuh di Westport, Pelabuhan Klang 26 Disember ini.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, Lembaga Pelabuhan Klang telah diarah untuk membantu syarikat logistik, pengimport, pengeksport dan perkapalan dalam menguruskan kargo masing-masing yang terjejas.

“Selaras kenyataan Perdana Menteri, syarikat perkapalan ZIM, tidak akan dibenarkan berlabuh di pelabuhan-pelabuhan Malaysia berkuat kuasa serta merta.

“Ini bermaksud kapal ZIM yang dijadualkan untuk berlabuh di Pelabuhan Klang 26

Disember ini tidak akan dibenarkan,” katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Prof. Dr. Mohd. Roslan Mohd. Nor dalam kenyataan mengalukan pendirian tegas Anwar.

Sehubungan itu, PUM menggesa supaya tindakan turut dilakukan negara-negara lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Felo Kanan Akademi Nusantara, Dr. Azmi Hassan berkata, Malaysia tidak berdepan tekanan antarabangsa termasuk sekutu Israel ekoran keputusan tersebut kerana dasar luar Malaysia yang jelas tidak mengiktiraf Israel.

Malah keputusan Malaysia itu juga tidak akan memberi kesan kepada ekonomi negara memandangkan Israel bukanlah rakan dagangan utama negara.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Ab-

dul Latiff berkata, keputusan Malaysia konsisten dengan resolusi Perhimpunan Agung PBB berhubung keamanan sejagat.

Sebaliknya, beliau berkata, negara Zionis tersebut berkali-kali melanggar ketetapan PBB dalam isu konflik di Palestin.

Kata beliau, keputusan itu tidak menjejaskan ekonomi walaupun setiap kapal yang berlabuh di pelabuhan membawa adalah salah satu sumber kewangan untuk Malaysia.

“Saya tidak melihat berlaku impak negatif kepada ekonomi Malaysia kerana Israel bukanlah rakan dagang utama, sebaliknya akan memberi impak negatif kepada ekonomi Israel.

“Bagaimanapun, dari segi magnitudnya atau kesan keseluruhannya belum dapat diketahui kerana Israel masih boleh mencari pelabuhan alternatif untuk berlabuh di sekitar rantau ASEAN,” katanya.